



**IKLAN PENGAMBILAN
PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM (PEGAWAI PENYELIDIK) GRED S48
PEJABAT MUFTI WILAYAH PERSEKUTUAN**

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan mempelawa calon-calon Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan seperti berikut:

PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM GRED S48

Taraf jawatan	: Kontrak (<i>Contract of Service</i>)
Bayaran Gaji	: RM5,117.00 Minima
Bilangan Jawatan	: Satu (1)
Penempatan	: Ibu Pejabat, Putrajaya

DESKRIPSI TUGAS

1. Mengetuai kumpulan pegawai penyelidik dan menjadi pakar rujuk berkaita fatwa dan hukum syarak di Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.
2. Merancang, memantau dan melaksanakan penyelidikan berkaitan hukum syarak bagi tujuan kefatwaan dan pandangan hukum di Wilayah Persekutuan.

SYARAT PERMOHONAN

1. Warganegara Malaysia;
2. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
3. Berkelulusan:
 - i. Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pengajian Islam yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
 - ii. Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang Pengajian Islam berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
[Gaji Permulaan pada Gred S48: RM5,117.00].
 - iii. Memiliki kepujian sekurang-kurangnya Gred C dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat SPM/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Syarat Tambahan:

4. **Mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman bekerja di dalam bidang kefatwaan dan hukum syarak**
5. **Mempunyai pengalaman dan kemahiran dalam melaksanakan penyelidikan.**

Keutamaan:

6. **Mempunyai kelulusan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana dan ke atas.**
7. **Penguasaan yang baik dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab adalah satu kelebihan.**

CARA MEMOHON

1. Sila kemukakan *resume*, salinan kad pengenalan, salinan sijil dan transkrip akademik serta salinan sijil-sijil lain yang berkaitan melalui pos ke alamat berikut:

**Bahagian Khidmat Sokongan
Pejabat Mufti Wilayah Persekutua
Aras 5, Blok D, Kompleks Islam Putrajaya
No. 3, Jalan Tun Abdul Razak
Presint 3, 62100 PUTRAJAYA**

2. Sila tuliskan nama jawatan yang dimohon di sebelah kiri (atas) sampul surat.
3. Sila pastikan alamat e-mel dan nombor telefon untuk dihubungi adalah yang terkini dan aktif.

PERHATIAN

Hanya calon yang disenarai pendek akan dipanggil untuk menghadiri sesi temu duga.

Tarikh Tutup Permohonan: 22 JULAI 2020 (RABU)